



PERIKSA...anggota polis memeriksa mayat penjenayah, semalam.

ANGKAT...anggota polis mengangkat mayat penjenayah yang ditembak mati.

Metro 11/1/12 MS 10'

Tak sempat merompak

Perancangan sekumpulan penjenayah punah apabila dua mati ditembak polis, seorang rakan larikan diri

>>Oleh Kalidevi Mogan
Kumarappa
kalidevi@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Dua lelaki ditembak mati manakala seorang lagi melarikan diri selepas berbalas tembakan dengan anggota polis ketika kumpulan itu dalam perjalanan untuk menyamun berdekatan sebuah pasar raya di Wangsa Maju, di sini, petang semalam.

Kumpulan lelaki terbabit

dipercayai aktif merompak bank, samun kereta mewah dan samun di sekitar Kuala Lumpur dan Kelantan.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Datuk Ku Chin Wah berkata pihaknya menerima maklumat mengenai sebuah kereta Proton Putra berwarna putih sedang berlegar-legar berdekatan kawasan pasar raya itu yang disyaki penjenayah, kira-kira jam 4.15 petang.

Menurutnya, sepasukan polis dikejarkan ke tempat

kejadian dan ketika pihaknya sedang mengintip kenderaan itu, kereta yang dinaiki tiga penjenayah terbabit memcut laju sebelum dikejar.

"Ketika itu, kumpulan penjenayah terbabit sempat melepaskan beberapa das tembakan ke arah polis sebelum dibalas anggota menyebabkan dua daripada mereka mati.

"Namun, rakan mereka yang tidak cedera sempat melarikan diri, tetapi ketika memasuki kawasan berdekatan Stesen LRT Taman Me-

lati, kereta dinaiki melanggar sebuah kereta Toyota Vios dinaiki seorang wanita hamil sebelum terbabas," katanya ketika ditemui di tempat kejadian, semalam.

Beliau berkata, sebaik terbabas, seorang daripada lelaki berkenaan melarikan diri dengan membawa bersama senjata api ke kawasan perumahan berdekatan.

Katanya, siasatan awal mendapati kedua-dua suspek yang berusia 23 tahun dan 45 tahun itu cedera parah akibat

terkena tembakan.

"Suspek berusia 45 tahun itu mempunyai 12 rekod jenayah lampau membabitkan rompak bank, samun kereta mewah dan samun serta dikehendaki polis atas lima kesalahan manakala seorang lagi tidak mempunyai rekod jenayah.

"Kami turut menemui pisau di dalam kereta suspek dipercayai digunakan untuk tujuan jenayah," katanya.

Ku Chin berkata, usaha menjejaki seorang lagi sus-

pek sedang dijalankan dan mayat kedua-dua suspek itu dihantar ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk dibedah siasat.

MetroTV
Saksikan liputan video di
www.hmetro.com.my